

**Kabinet Jepun letak jawatan 30 Ogos, lantik PM baru
Bernama
23 Ogos, 2011**

TOKYO, 23 Ogos — Perdana Menteri Jepun Naoto Kan mengumumkan bahawa jemaah menteri negara itu akan meletakkan jawatan pada 30 Ogos ini.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Ekonomi Jepun Kaoru Yosano hari ini.

Komen perdana menteri yang tidak popular mengesahkan hasrat beliau untuk meletakkan jawatan dalam beberapa hari lagi, membuka laluan kepada pemilihan perdana menteri yang keenam sejak Junichiro Koizumi mengakhiri satu penggal lima tahun khidmatnya pada 2006, yang jarang disaksikan di negara itu.

Parti Demokratik yang memerintah Jepun dijadual memilih pemimpin baru pada 29 Ogos dan membentuk Kabinet seterusnya. — Reuters

The Malaysian Insider

Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kabinet-jepun-letak-jawatan-30-ogus-lantik-pm-baru/>